

# UMS-Politeknik KK mengorak langkah

➤ Bakal terajui anjakan minda hijau generasi muda Sabah



ROMBONGAN Politeknik Kota Kinabalu melawat Taman Pembelajaran Kitar Semula Pusat Minda Lestari, UMS.



BERGAMBAR kenangan sempena Lawatan Penanda Aras Politeknik Kota Kinabalu ke Pusat Pengurusan EcoCampus, UMS.

UB 14.7.2019 B3

**UNIVERSITI** Malaysia Sabah (UMS) menerusi Pusat Pengurusan EcoCampus dan Politeknik Kota Kinabalu telah mengorak langkah untuk merancang beberapa bentuk kerjasama dalam menzahirkan program anjakan minda ke arah memupuk dan memperkasa gaya hidup hijau di kalangan generasi muda, khususnya para pelajar di kedua-dua institusi pengajian tersebut.

Sesungguhnya anjakan

minda hijau merupakan suatu keperluan tegar dalam kerancangan dunia mengejar pembangunan lestari serta mengesakan pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2030 (United Nations Sustainable Development Goals 2030).

Kejayaan dalam anjakan minda hijau seyogianya sama penting dengan kemajuan sains dan teknologi, malahan dianggap sebagai faktor yang mampu diiltizamkan oleh masyarakat umum tanpa mengira status sosial, had umur dan

kelayakan ilmiah mahupun ketersediaan dana lumayan.

Perancangan ini telah dicapai sewaktu Lawatan Penanda Aras Politeknik Kota Kinabalu ke Pusat Pengurusan EcoCampus, UMS pada 10 Julai 2019.

Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus Kelvin Kueh Boon Hee, telah mewakili Pengarah, iaitu Prof. Madya Dr. Berhaman Ahmad untuk menerima lawatan dan menyampaikan taklimat bertajuk 'Agenda EcoCampus UMS: Living Campus untuk Abad Ke-21'.



ROMBONGAN Politeknik Kota Kinabalu melihat proses pengkomposan sisa makanan organik di Fakulti Kejuruteraan, UMS.

Kelvin menegaskan bahawa penjenamaan UMS sebagai sebuah EcoCampus sejak Februari 2013 merangkumi penerapan unsur pembangunan lestari dalam aspek Latar Persekitaran dan Infrastruktur, Tenaga dan Perubahan Iklim, Pengurusan Sisa, Pengurusan Air, Pengangkutan serta Pendidikan dan Penyelidikan.

Usaha bersepadu seluruh warga UMS dan para pemegang taruh setakat ini telah membolehkan UMS mencapai kedudukan ke-71 di dunia (UI GreenMetric World University Ranking 2018), Bronze Award FEE EcoCampus Programme 2018/2019 (FEE, Denmark dan WWF-Malaysia) dan Anugerah Kampus Lestari Universiti Awam Malaysia 2017 (SWCorp, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia).

Antara program anjakan minda hijau yang dirancang oleh Pusat Pengurusan EcoCampus UMS dan Politeknik Kota Kinabalu meliputi program perkongsian dan percambahan pengetahuan dan pemindahan kemahiran kitar semula tambah nilai (upcycling) untuk para pelajar.

Program yang dirancang berkaitan dengan 'upcycling' bahan buangan plastik, kaca dan kertas yang merupakan bahan buangan terbanyak yang dibuang ke tapak pelupusan tempatan.

Program yang dirancang turut dihasratkan mampu menjana pendapatan untuk para pelajar menerusi konsep 'circular economy' dan menyemarakkan semangat kitar semula di kalangan generasi muda.

Rombongan Politeknik Kota Kinabalu juga dibawa untuk melawat beberapa tempat yang menampilkan



(Gambar atas) KELVIN menyampaikan cenderamata berupa kraftangan upcycling (decoupage) kepada wakil Politeknik Kota Kinabalu Subir Musta.

(Gambar bawah) DISKUSI sesama Pusat Pengurusan EcoCampus, UMS dengan Politeknik Kota Kinabalu untuk bekerjasama menganjurkan program.



iltizam Agenda EcoCampus UMS di bawah koordinasi, Alimin Awang Ali dan Siti Nursofiyara Asmari - Pusat Minda Lestari, Fakulti Kejuruteraan dan Pusat Maklumat Pelawat EcoCampus (EVIC). Rombongan Politeknik

Kota Kinabalu diketuai oleh Subir Musta, Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer merangkap Ketua Penyelaras PKKGREEN dan Azli Syam Awang, Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan.



OMBONGAN Politeknik Kota Kinabalu melawat Pusat Maklumat Pelawat EcoCampus (EVIC) UMS dan mencuba sendiri penggunaan pengangkutan mesra alam.